



29 Jun 2015
29 June 2015
P.U. (B) 263

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

NOTIS PENENTUAN MUKTAMAD AFIRMATIF PENYIASATAN MENGENAI KELUARAN PLAT GULUNGAN PANAS YANG DIIMPORT KE DALAM MALAYSIA

NOTICE OF AFFIRMATIVE FINAL DETERMINATION OF AN INVESTIGATION WITH REGARD TO HOT ROLLED PLATES PRODUCTS IMPORTED INTO MALAYSIA



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PELINDUNG 2006

NOTIS PENENTUAN MUKTAMAD AFIRMATIF PENYIASATAN MENGENAI KELUARAN
PLAT GULUNGAN PANAS YANG DIIMPORT KE DALAM MALAYSIA

(SM 01/14)

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 23(3) Akta Pelindung 2006 [*Akta 657*] dan peraturan 14 Peraturan-Peraturan Pelindung 2007 [*P.U. (A) 386/2007*], Kerajaan telah membuat penentuan muktamad afirmatif berhubung dengan penyiasatan mengenai keluaran plat gulungan panas yang diimport ke dalam Malaysia sebagaimana yang diperihalkan dalam perenggan 1 (“keluaran”).

Keluaran yang disiasat dan pengelasan tarif

1. Keluaran yang disiasat dan pengelasan tarifnya adalah seperti yang berikut:

- (a) keluaran plat keluli gulungan panas besi atau keluli bukan aloi dan keluli aloi yang lain, yang mempunyai kelebaran 600 milimeter atau lebih, gulungan panas, tidak diliputi, disadur atau disalut, yang mempunyai ketebalan antara 6 milimeter hingga 75 milimeter; dan
- (b) keluaran yang dikelaskan di bawah Kod Sistem yang Diharmonikan (Kod H.S.) 7208.51.000, 7208.52.000, 7225.40.000, dan Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN (AHTN) 7208.51.0000, 7208.52.0000, 7225.40.9000,

yang aplikasi, standard antarabangsa, gred dan tajuknya adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

2. Bagi maksud subsubperenggan 1(b), Kod H.S. dan AHTN adalah hanya untuk makluman dan tidak mempunyai kesan mengikat terhadap pengelasan keluaran itu.

Keluaran serupa atau keluaran yang bersaing secara langsung

3. Keluaran serupa atau keluaran yang bersaing secara langsung ialah keluaran yang dikeluarkan oleh industri dalam negeri dan mempunyai perihalan yang sama dengan keluaran yang dinyatakan dalam perenggan 1.

Sebab bagi penentuan muktamad afirmatif

4. Berdasarkan penyiasatan, Pihak Berkuasa Penyiasat telah mendapati bahawa terdapat kenaikan secara mutlak import keluaran semasa tempoh penentuan kemudaran iaitu mulai 1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2013. Pihak Berkuasa Penyiasat mendapati bahawa industri dalam negeri telah mengalami kemudaran yang serius berkenaan dengan pengurangan syer pasaran, pengurangan dalam jualan dalam negeri, tahap produktiviti dan penggunaan kapasiti yang rendah, penurunan dalam aliran tunai, kemerosotan keuntungan dan inventori, dan pulangan pelaburan yang negatif. Perkara ini telah menyebabkan dan mengancam untuk menyebabkan kemudaran yang serius kepada industri dalam negeri yang mengeluarkan keluaran serupa atau keluaran yang bersaing secara langsung.

Langkah pelindung yang terpakai

5. Langkah pelindung yang terpakai berhubung dengan keluaran hendaklah dalam bentuk duti pelindung muktamad dan dikenakan terhadap negara yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

6. Duti pelindung muktamad hendaklah dikenakan bagi tempoh tiga tahun mulai 2 Julai 2015 hingga 1 Julai 2018 pada kadar yang berikut:

Tempoh	Duti Pelindung Muktamad (%)
2 Julai 2015 – 1 Julai 2016	17.40 %
2 Julai 2016 – 1 Julai 2017	13.90%
2 Julai 2017 – 1 Julai 2018	10.40%

JADUAL PERTAMA

[Perenggan 1]

KELUARAN PLAT GULUNGAN PANAS YANG DIKENAKAN DUTI PELINDUNG MUKTAMAD

<i>Aplikasi</i>	<i>Standard Antarabangsa</i>	<i>Gred</i>	<i>Tajuk</i>
Bagi struktur, pembinaan, fabrikasi dan jentera industri	EN 10025-2	S235JR, S235JO, S235J2, S275JR, S275JO, S275J2, S355JR, S355JO, S355J2, S355K2	Keluaran gulungan panas keluli struktur – Bahagian 2: Syarat penghantaran teknikal bagi keluli struktur bukan aloi
	BS EN 10025 -2	S235JR, S235JO, S235J2, S275JR, S275JO, S275J2, S355JR, S355JO, S355J2, S355K2	Keluaran gulungan panas keluli struktur – Bahagian 2: Syarat penghantaran teknikal bagi keluli struktur bukan aloi
	I.S EN 10025 -2	S235JR, S235JO, S235J2, S275JR, S275JO, S275J2, S355JR, S355JO, S355J2, S355K2	Keluaran gulungan panas keluli struktur – Bahagian 2: Syarat penghantaran teknikal bagi keluli struktur bukan aloi
	SN EN 10025 -2	S235JR, S235JO, S235J2, S275JR, S275JO, S275J2, S355JR, S355JO, S355J2, S355K2	Keluaran gulungan panas keluli struktur – Bahagian 2: Syarat penghantaran teknikal bagi keluli struktur bukan aloi
	ASTM A36/ A36M	A36	Spesifikasi standard bagi keluli struktur karbon
	ASTM A283/ A283M	A, B, C, D	Spesifikasi standard bagi plat keluli karbon berkekuatan tegangan rendah dan pertengahan
	ASTM A572/ A572M	42, 50, 55, 60, 65	Spesifikasi standard bagi keluli struktur kolumbium-vanadium aloi rendah berkekuatan tinggi

<i>Aplikasi</i>	<i>Standard Antarabangsa</i>	<i>Gred</i>	<i>Tajuk</i>
	ASTM A573/ A573M	58, 65, 70	Spesifikasi standard bagi plat keluli karbon struktur berketahanan diperbaik
	ASTM A529/A529M	50, 55	Spesifikasi standard bagi keluli karbon-mangan berkekuatan tinggi berkualiti struktur
	ASTM A569/A569M	Jenis A, B, C	Spesifikasi standard bagi keluli, karbon (maksimum 0.15, peratus), kepingan dan jalur gulungan panas dagangan
	ASTM A570/A570M	Gr. 30, 33, 36, 40, 45, 50, 55	Spesifikasi standard bagi keluli struktur, jalur dan kepingan, karbon, gulungan panas
	ASTM A635/A635M	1006, 1008, 1009, 1010, 1012, 1015, 1016, 1017, 1018, 1019, 1020, 1021, 1023, 1524	Spesifikasi standard bagi keluli, jalur dan kepingan, gegelung berketebalan berat, karbon, gulungan panas
	ASTM A656 /A656M	50, 60	Spesifikasi standard bagi keluli struktur gulungan panas berkekuatan tinggi, plat aloi rendah dengan kebolehbentukan diperbaik
	ASTM A659/A659M	1015, 1016, 1017, 1018, 1020, 1021, 1023	Spesifikasi standard bagi keluli dagangan (CS), jalur dan kepingan, karbon (maksimum 0.16 hingga maksimum 0.25, peratus), gulungan panas
	ASTM A715/A715M	50, 60, 70	Spesifikasi standard bagi jalur dan kepingan keluli, berkekuatan tinggi, aloi rendah, gulungan panas, dan